

## Metodologi Pemikiran *Sisters in Islam* terhadap Hijab: Analisis Kritikan Berasaskan Fiqh al-Hadith

Shah Rizul Izyan Zulkipli<sup>1</sup>  
Mohd Muhiden Abd Rahman<sup>2</sup>  
Mohd Zahir Abdul Rahman<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis metodologi pemikiran Sisters in Islam terhadap hijab berasaskan fiqh al-hadith. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metode pensejarahan, dokumentasi serta temubual bagi mendapatkan data-data berkaitan dengan hijab menurut pandangan Sisters in Islam. Sebanyak 17 hadith berkaitan dengan hijab dari Kitab Sahih Muslim akan dijadikan sample kajian dengan menggunakan metod istiqra` dan istinbat berpandukan pandangan-pandangan ulama muktabar mengenainya. Hasil kajian mendapati bahawa metodolgi pemikiran Sisters in Islam mengenai hijab adalah berbeza, malah bercanggah sama sekali dengan pandangan ulama Islam. Antara metodologi yang diaplikasi oleh Sisters in Islam dalam memahami hukum hijab adalah metodologi yang berasaskan logik akal dan rasional semata-mata selain dari metod pensejarahan dan peradaban serta sosiologi. Hasil dari metodologi yang digunakan oleh Sisters in Islam didapati bahawa aurat yang wajib ditutup itu adalah kemaluan wanita sahaja dan selebihnya haruslah ditutup mengikut nilai kesopanan dan budaya sesebuah masyarakat.*

**Kata kunci:** *hijab, sisters in Islam, logik dan rasional*

### PENDAHULUAN

Isu pemakaian hijab dalam kalangan wanita bukan isu baru. Malahan di Perancis, undang-undang Barat 2004 telah mengeluarkan undang-undang pengharaman pemakaian hijab atau sebarang bentuk lambang keagamaan bagi pelajar-pelajar untuk ke sekolah<sup>4</sup>. Malah, di Malaysia pemakaian tudung turut menjadi isu yang turut diperdebatkan bukan sahaja di institusi tinggi malahan di peringkat sekolah juga.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Calon sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>2</sup> Prof Madya di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Universiti Malaya.

<sup>3</sup> Fellow Siswazah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

<sup>4</sup> Secularism Aboard the Titanic: *Feminists and the Debate over the Hijab in France*, Bronwyn Winte, (Feminist Studies Inc. 2004, vol 2), 280.

<sup>5</sup> Desiree Tressa Gasper, "berita semasa", laman sesawang *Mstar*, dicapai 17 Januari 2014, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/01/17/isu-tudung-pengetua-pengurusan-sekolah->

Sisters in Islam ataupun SIS merupakan sebuah NGO yang memperjuangkan hak wanita serta hak kebebasan wanita. Malahan, golongan ini juga mengajak golongan wanita untuk berfikir dengan lebih luas dan terbuka terhadap isu-su yang melibatkan hak-hak wanita. Namun begitu, terdapat juga beberapa pandangan mereka yang bercanggah dengan pendapat jumhur ulama. Ini kerana mereka memahami ayat al-Quran dan Hadith dengan metodologi tersendiri.

Kajian ini akan menjelaskan tentang konsep hijab, latar belakang sejarah dan pensyariatan hijab dalam Islam. Mengkaji hadith-hadith mengenai hijab seterusnya menganalisis metodologi pemikiran Sisters in Islam terhadap hijab.

## KONSEP HIJAB DALAM ISLAM

Dari segi terminologi hijab bererti pembatas, pencegah atau penghalang. Pembatas ini sama ada boleh dicapai oleh pancaindera iaitu bersifat *hissi* atau tidak dapat dicapai oleh pancaindera iaitu bersifat *ma'nawi*.<sup>6</sup> Ini bermakna pakaian wanita dijadikan sebagai penutup aurat daripada pandangan orang lain sama ada lelaki mahupun wanita. Ulama sepakat, mewajibkan setiap wanita *baligh* menutup auratnya dengan memakai pakaian yang menutup aurat.

Terdapat tiga sebab mengapa perintah menutup aurat ini menjadi wajib. [ **Pertama,**] terdapat perintah menahan pandangan daripada Allah SWT dalam al-Quran. [ **Kedua**] perintah ini menunjukkan larangan berzina. [ **Ketiga**] *hijab* bermaksud menutup pintu dosa yang lebih besar atau lebih di kenali sebagai *sadd al-zarai'*.<sup>7</sup> Justeru, atas dasar inilah Islam mewajibkan menutup aurat bagi lelaki dan perempuan.<sup>8</sup>

Namun demikian ulama fiqh berbeza pendapat mengenai aurat wanita. Menurut Mazhab al-Syafi'e dan Hanbali aurat wanita itu meliputi seluruh badan termasuk kuku. Antara dalil bagi menguatkan hujah kedua-dua mazhab adalah, firman Allah SWT:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Terjemahan: *Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya.*

(Al-Nur 24: 31)

Ayat ini menunjukkan pengharaman kepada permulaan zina. Dan zina mempunyai dua jenis iaitu yang semula jadi dan buatan manusia. Wajah merupakan perhiasan dalaman yang menjadi punca kepada berlaku fitnah dan *takabur*. Manakala perhiasan luaran pula ialah perkara yang berkaitan cara wanita menghiasi tubuh badan mereka seperti pakaian, barang kemas, celak dan sebagainya. Dalil yang kedua hadis Rasulullah SAW bersabda:

يَا عَلِيُّ! لَا تُتَّبِعِ النَّظْرَةَ النَّظْرَةَ، فَإِنَّ لَكَ الْأُولَىٰ وَلَيْسَتْ لَكَ الْآخِرَةُ

Terjemahan: *Wahai Ali! Janganlah engkau lanjutkan pandangan pertama dengan pandangan selanjutnya, kerana yang pertama adalah dimaafkan bagimu, dan yang selanjutnya tidak.*<sup>9</sup>

<sup>6</sup> Tidak diketahui penulisnya, *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (TP, 1970), 247.

<sup>7</sup> Istilah Usul Fiqh yang membawa maksud menutup atau mencegah perkara-perkara yang boleh membawa kepada kerosakan dan yang mendorong kepada hal-hal yang di tegah oleh agama.

<sup>8</sup> Haji Dusuki Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, (Kuala Lumpur, Utusan Publication, 1976), 289.

<sup>9</sup> Hadith riwayat Abu Dawud, no.Hadith 2149. Lihat *Mawsu'ah Al-Hadith Al-Sharif: Al-Kutub Al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al-al-Shaykh, (Riyadh: Dar-al-Salam, 2000), 1381.

Manakala menurut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah seluruh tubuh badan wanita itu aurat kecuali wajah dan kedua pergelangan tangan. Dalil yang di kemukakan oleh Imam Malik dan Imam Abu Hanifah adalah merujuk kepada firman Allah SWT:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Terjemahan: Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya.

(Al-Nur 24: 31)

Ayat ini menurut mazhab Maliki dan Hanafi merujuk kepada perkara yang zahir dan yang biasa terdedah iaitu muka dan kedua belah pergelangan tangan. Hujah ini di kuatkan lagi dengan kata-kata sahabat dan *tabi'in*: Sa'id bin Jubir RA berkata: Ungkapan (إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا) bermaksud wajah dan dua pergelangan tangan, begitu juga 'Ata' mengatakan bahawa kedua pergelangan tangan dan wajah.<sup>10</sup> Selain itu, terdapat juga hadith Rasulullah SAW yang menguatkan mazhab Maliki dan Hanafi. Daripada A'isyah RA, katanya; Nabi SAW bersabda:

يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ تَصُلْحَ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا ، وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ  
وَكَفَيْهِ.

Terjemahan: *Wahai Asma'! Sesungguhnya wanita jika sudah sampai pada usia baligh, maka tidak boleh di lihat darinya kecuali ini dan ini sambil mengisyaratkan kepada wajah dan kedua tapak tangannya.*<sup>11</sup>

## PENDEKATAN DALAM PEMILIHAN HADITH BERKAITAN DENGAN HIJAB

Cara penulisan hadith di dalam bab ini adalah, [pertama] maklumat hadith di ambil terus daripada *sanad* sahabat dengan meninggalkan *sanad* yang lain. [Kedua], *matan* hadith dikumpul dan di *takhrij* bagi di kenal pasti sumber ambilan hadith. [Ketiga], diterjemah serta diberikan rumusan secara ringkas. [Keempat] hadith-hadith yang di *takhrij* ini meliputi hadith-hadith dari kitab as-sittah berdasarkan kitab *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* yang dikarang oleh Salih bin 'Abdul 'Aziz al-Shaykh. Namun demikian, yang di tulis hanyalah dari Sahih Muslim sahaja, manakala hadith-hadith yang diriwayat dari sumber yang lain akan di tulis di dalam nota kaki. Syarah hadith pula di ambil dari kitab *Sharh Sahih Muslim* oleh Imam al-Nawawi, Fath al-Bari dari Ibnu Hajar, kitab *Tanwir Syarah Sahih Muslim* terjemahan dan susunan Muhammad Yusuf dan sebagainya. Kemudian rumusan akan di lakukan melalui kefahaman syarah berkenaan.

Selain itu, antara pendekatan lain yang di gunakan bagi pencarian hadith adalah melalui laman sesawang [www.dorar.net](http://www.dorar.net), [www.islamweb](http://www.islamweb), lidwa.com dan sebagainya. Pendekatan menggunakan laman sesawang ini lebih cepat dan mudah. Namun demikian, setelah hadith diperoleh, rujukan kepada sumber utama turut di lakukan.

<sup>10</sup> Muhammad 'Ali As-Sobuni, Tafsir ayat al-Ahkam min al-Quran, (Kaherah : Dar As-Sobuni, 2008), 2 :112.

<sup>11</sup> Hadith riwayat Abu Dawud, Kitab *al-Libas*, Bab *Fi Ma Tubdi Al-Maraah Min Zinataha*, no.Hadith 4104, ibid, 1522.

Jadual 1: Taburan dan Fiqh al-Hadith Mengenai Hijab dari Sahih Muslim

No	Awal Matan Hadith	Pengulangan	Kitab	Bab	No. Hadith /Muka surat
1	أَنَّ أَزْوَاجَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُنَّ يُخْرِجْنَ بِاللَّيْلِ	2	Kitab Salam	Bab Harus Wanita Keluar Rumah Untuk Membuang Hajat	2170/1064
2	أَهْلُ الْإِفْكِ مَا قَالُوا فَبَرَأَهَا اللَّهُ جَمًّا قَالُوا	-	Kitab Taubat	Bab Hadith al-Ifk dan Terima Taubat Qazaf	2770/1160
3	إِنَّ أَفْلَحَ أَخَا أَبِي الْفُعَيْسِ اسْتَأْذَنَ عَلَيَّ بَعْدَ مَا نَزَلَ الْحِجَابُ	-	Kitab Penyusunan	Bab Menjadi Muhrim Kerana Menyusu Dari Susu Fahl (Isteri Dari Seorang Lelaki)	1445/921
4	أَصْبَحَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرُوسًا بَزَيْنَتْ بِنْتَ جَحْشٍ	2	Kitab al-Nikah	Bab Pernikahan Zainab Binti Jahsy, turunnya perintah hijab dan penetapan	1428/916
5	لَمَّا اعْتَزَلَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نِسَاءَهُ	-	Kitab al-Talak	Bab penjelasan tentang ila	1479/929.
6	أَمَرْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نُخْرِجَهُنَّ	-	Kitab Solat Dua Hari Raya	Bab Keharusan Wanita Untuk Keluar Solat Dua Hari Raya ke Tempat Solat,	890/816
7	يَا رَسُولَ اللَّهِ ! أُرْجِعُ النَّاسَ بِأَجْرَيْنِ وَأُرْجِعُ بِأَجْرٍ ؟	-	Kitab Haji	Bab wanita yang bernifas ketika melakukan Ihram	1211/879
8	كُنْتُ أَدْعُو أُمَّيَ إِلَى الْإِسْلَامِ وَهِيَ مُشْرِكَةٌ	-	Kitab Fadail Sahabat	Bab Kelebihan Abu Hurairah al-Dausi,	2491/1116
9	كَانَتْ عِنْدَ أُمِّ سَلِيمٍ بَيْمَةً وَهِيَ أُمُّ أَنَسٍ	-	Kitab Berbuat Baik	Bab Barang siapa yang dilaknat atau dicela oleh nabi SAW	2603/1132
10	جَاءَتْ بِي أُمِّي أُمُّ أَنَسٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ	-	Kitab Fadail Sahabat	, Bab Kelebihan Anas Bin Malik,	2481/1114
11	أَنَّ أَبَا عَمْرٍو بْنَ حَفْصِ بْنِ طَلْحَةَ الْبَنِّيَّ وَهُوَ غَائِبٌ	-	Kitab al-Talaq	Bab Wanita yang ditalak tiga tidak mendapatkan hak nafkah	1480/932
12	نَكَّحْتُ ابْنَ الْمُغِيرَةِ وَهُوَ مِنْ خِيَارِ شَبَابِ قُرَيْشٍ يَوْمَئِذٍ	-	Kitab Fitnah Dan Tanda Kiamat.	Bab Kisah Jassasah,	2942/1188
13	:أُهْدِيَتْ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُلَّةٌ سَيْرَاءُ	-	Kitab Pakaian dan Perhiasan,	Bab Haramnya menggunakan bejana emas dan perak bagi laki-laki dan perempuan,	2071/1049

No	Awal Matan Hadith	Pengulangan	Kitab	Bab	No. Hadith /Muka surat
14	«أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ أَتَتْ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهِيَ حُبْلَى مِنَ الزَّيْنِ»	-	Kitab Hudud	Bab orang yang mengakui berzina	1696/978
15	«صِنْفَانِ مِنَ أَهْلِ النَّارِ ، لَمْ أَرَهُمَا قَوْمٌ مَعَهُمْ سِيَاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ»	-	Kitab Pakaian dan Perhiasan	Bab Wanita berpakaian tetapi telanjang,	2128/1058
16	«أَلَا أُرِيكُمْ امْرَأَةً مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ ؟ قُلْتُ : بَلَى	-	Kitab Berbuat Baik	Bab Seorang mukmin mendapat pahala kerana musibah yang menyimpannya,	2576/1129.
17	«كَانَتْ الْمَرْأَةُ تَطُوفُ بِالْبَيْتِ وَهِيَ عُزْرَانَةٌ»	-	Kitab Tafsir	Bab Firman Allah "Pakailah Pakaianmu yang Indah Setiap Kali Memasuki Masjid"	3028/1201

Melalui jadual di atas dapat difahami bahawa hadith yang berkaitan dengan hijab dalam Sahih Muslim tidak berada di bawah satu kitab dan bab yang tertentu. Malahan, dalam kitab *al-Libas* hanya terdapat satu sahaja hadith yang berkaitan dengan hijab. Selain itu, terdapat hadith yang berulang dalam kitab *al-Salam* dan kitab *al-Nikah*. Kebanyakan hadith berkaitan dengan hijab lebih banyak diriwayatkan oleh Saidatina ‘Aishah RA iaitu sebanyak 4 hadith, Anas bin Malik sebanyak 3 hadith, Abu Hurairah dan Ibn ‘Abbas sebanyak 2 Hadith, Saidina ‘Umar al-Khattab, Umm Atiyyah, Saidaina ‘Ali, Imran Hussien dan Amir Bin Syarahil masing-masing 1 hadith.

Melalui 17 hadith yang berkaitan dengan hijab tersebut, terdapat 11 Hadith yang berkaitan dengan hukum pemakaian hijab. Selebihnya merupakan hadith berkaitan dengan jenis dan cara pemakaian hijab pada zaman Rasulullah SAW.

Apa yang dapat difahami melalui rumusan 17 hadith berkenaan dengan hijab. **[Pertama]** Perkataan Hijab berasal dari maksud penghalang. Manakala kalimah *Khimar* bermaksud tudung di atas kepala. Pada kalimah *Jilbab* pula membawa makna jubah atau pakaian yang longgar yang sememangnya merupakan pakaian adat di Timur Tengah. Namun demikian, pemakaian hijab dan khimar pula bukan merupakan pemakaian berasaskan budaya akan tetapi adalah arahan daripada Allah SWT.

**[Kedua]** Melalui hadith Sahih Muslim juga dapat difahami bahawa hijab merupakan suatu perkara yang wajib di pakai ke atas muslimah ketika berhadapan dengan mahram atau ketika hendak keluar dari rumah. Mahram yang dimaksudkan di sini adalah mereka yang halal untuk di nikahi. Hijab juga harus di pakai ketika seseorang muhrim ada di dalam rumah seperti sepupu, abang ipar dan sebagainya. Arahan ini bukan tertakluk hanya kepada isteri-isteri nabi malahan seluruh muslimah. Oleh yang demikian, semua muslimah yang beriman dengan hati, lisan dan perbuatan seharusnya mematuhi arahan yang ditetapkan oleh Allah sebagai mana sahabat-sahabat Nabi SAW.

**[Ketiga]** Selain pemakaian hijab bagi menutup kepala, muslimah juga harus mematuhi garis panduan yang di tetapkan oleh hadith nabi iaitu pakaian haruslah yang longgar, tidak jarang dan tidak menampakkan bentuk tubuh badan. Meskipun jilbab merupakan pakaian

budaya Arab, namun dalam hadith dan al-Quran tidak menyebut bahawa jilbab adalah wajib. Muslimah bebas memilih pakaian mengikut keselesaan dan budaya setempat. Tetapi haruslah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Rasulullah SWT. Malah hadith Rasulullah SAW menegaskan bahawa wanita yang memakai pakaian tetapi kelihatan telanjang bukan sahaja tidak boleh masuk ke syurga malah bau syurga juga tidak dapat dinikmati.

**[Keempat]** Selain itu, hijab bukan sahaja bertindak sebagai penghalang secara fizikal malah Rasulullah SAW juga menyeru wanita dan lelaki supaya menjaga mata dari melihat perkara yang haram. Dalam hadith Ummu Syuraik, Rasulullah SAW menganjurkan supaya Ummu Syuraik duduk di rumah sepupunya Ibn Maktum yang buta. Ini supaya auratnya terpelihara dari dilihat oleh lelaki. Oleh yang demikian, wanita mahupun lelaki harus menundukkan pandangan supaya nafsu lebih terjaga.

**[Kelima]** Setiap amalan yang dilakukan pasti akan mendapat balasan. Begitu juga dengan arahan pemakaian hijab. Dalam Hadith yang ke-15, Rasulullah SWT memberi garis panduan cara pakaian bagi muslimah. Selain berhijab, pakaian yang dipakai haruslah longgar dan tidak ketat. Malah pakaian tidak boleh jarang sehingga menampakkan bentuk tubuh badan. Malah wanita tidak boleh meninggikan sanggul rambut seperti unta dan berjalan berlenggang lenggok dengan niat ingin menarik perhatian lelaki. Wanita ini bukan sahaja Allah SWT janjikan tidak masuk syurga malahan bau syurga pun mereka tidak dapat nikmati sedangkan bau syurga itu boleh dihidu dari jauh.

**[Keenam]** Ketidakhafahaman terhadap sesuatu perkara dalam kalangan sahabat terus dirujuk kepada Rasulullah SAW. Oleh itu, keperluan umat Islam masa kini untuk lebih merujuk 'alim ulama yang diakui kealimannya terhadap hadith-hadith hukum serta kitab fiqh bagi mendapatkan jawapan yang tepat. Justeru, perbuatan merujuk kepada kitab-kitab yang tiada autoriti dan pada yang bukan ahlinya akan menimbul kekeliruan dan bercanggah dengan syarak.

**[Ketujuh]** Hikmah pemakaian hijab amat besar. Hijab bukan sahaja mampu menundukkan pandangan lelaki terhadap wanita. Malah wanita akan lebih terpelihara dari gangguan dan dipermainkan oleh lelaki. Hijab mampu membantu lelaki dalam memelihara nafsu mereka. Malah hijab juga mampu mencegah wanita dan lelaki dari melakukan kemaksiatan. Wanita itu akan lebih dihormati kerana mereka mempunyai maruah yang terjaga.

Hijab merupakan benteng dan pelindung bagi wanita Muslimah. Allah SWT memerintahkan arahan untuk berhijab bagi menjaga wanita dari sebarang bentuk gangguan sekaligus memelihara kehormatan wanita Islam. Hijab bukanlah penyebab kepada kemunduran dan jumudnya seseorang. Malahan perkembangan ilmu sangat pesat pada zaman Rasulullah SAW. Pada ketika itu arahan berhijab juga baru saja diwajibkan ke atas semua Muslimah. Hijab itu sebagai pembenteng diri dari sifat tercela bagi kaum wanita dan lelaki. Hijab itu juga bertindak sebagai penunduk mata lelaki dan perisai sifat malu bagi wanita.

## **ANALISIS METODOLOGI PEMIKIRAN SISTERS IN ISLAM MENGENAI HIJAB DAN JAWAPANYA BERASASKAN FIQH AL -HADITH**

*Sisters In Islam* (SIS) merupakan sebuah gerakan feminisme yang memperjuangkan hak-hak wanita. Gerakan ini dibentuk pada tahun 1988. Di daftarkan secara rasmi sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (Non Governmental Organisation: NGO) pada tahun 1983 di bawah nama SIS forum (Malaysia) Berhad. SIS merupakan sebuah gerakan yang aktif dan vokal dalam memperjuangkan hak wanita. Oleh itu, SIS dilihat sebagai gerakan yang terkehadapan dan popular berbanding NGO-NGO wanita yang lain. Fenomena ini menjadikan SIS sebuah gerakan feminisme yang sentiasa dibayangi dengan kontroversi di sebalik setiap

kejayaannya.<sup>12</sup>Tambahan pula, perjuangan SIS yang mengangkat hak-hak asasi manusia dan prinsip-prinsip sejagat, serta kemanusiaan telah mengundang pelbagai dakwaan yang mengaitkannya dengan fahaman Islam Liberal.<sup>13</sup>

Secara umumnya, SIS banyak melontarkan idea dan pendapat mengenai pemakaian hijab. Terdapat golongan yang mengatakan hijab itu merupakan hak individu. Malah, terdapat juga segelintir yang mendakwa hijab itu sesuatu yang melanggar hak kebebasan wanita. Hakikatnya, agama Islam sudah mempunyai *nas* al-Quran dan al-Hadith yang jelas mengenai kewajipan memakai hijab. Justeru, yang menjadi perbezaan adalah pendapat ulama mengenai ukuran aurat itu sendiri. Hal ini terjadi kerana golongan SIS mentafsir ayat al-Quran dan al-Hadith dari sudut dan metodologi yang berbeza dengan ulama. Hasil analisis yang dilakukan terhadap pemikiran SIS mengenai hijab melalui metod *istiqra`* dan *instinbat*, didapati beberapa metodologi telah di gunakan, antaranya:

### Metod Logik Akal dan Rasional

Secara hakikatnya, SIS tidak mengkaji secara teliti terhadap teks al-Quran berkaitan dengan isu hijab. Malahan, pertubuhan ini memberi kefahaman mengenai sesuatu ayat itu mengikut dasar pemikiran logik akal atau tafsir *bi al-ra`yi* semata-mata. Jika dikaji dari latar belakang pendidikan, golongan ini tidak mempunyai kepakaran dalam bidang agama. SIS hanya memahami maksud aurat dan hijab itu dari sudut bahasa (*literally*) sahaja. Menurut mereka, aurat yang wajib di tutup itu adalah kemaluan atau bahagian sulit wanita dan perkara yang lebih penting daripada pakaian seseorang adalah takwa.<sup>14</sup> Dalam mengulas isu hijab, SIS telah menggunakan tiga dalil dari ayat al-Quran antaranya:

- I. Surah al-Nur ayat 31 yang bermaksud: “*Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka*”.

(Al-Nur: 24: 31)

Dalam menganalisis ayat ini SIS seolah-olah cuba menafsir makna *khimar* iaitu tudung kepala dengan mengetengahkan pendirian mereka bahawa pemakaian tudung bukan satu kewajipan di dalam Islam. Ini kerana dalam ayat tersebut tidak menyebut mengenai kewajipan menutup kepala. Tetapi yang sepatutnya di tutup adalah belahan dada wanita. Lalu, SIS menyandarkan pendirian mereka dengan mendatangkan makna "*khimar*" atau tudung yang dianggap sebagai fesyen kaum wanita Arab Jahiliyah semata.

SIS seolah-olah mahu mengatakan bahawa pemakaian "*khimar*" pada zaman Arab Jahiliyah adalah merupakan pakaian adat setempat sahaja dan bukannya daripada Allah SWT.<sup>15</sup>

---

<sup>12</sup> Jabatan Agama Islam Selangor, *Sisters In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme Di Malaysia?*, Jabatan Agama Islam Selangor (t.p, t.t.), 1.

<sup>13</sup> Ibid, 1.

<sup>14</sup> Ahli Sister In Islam (Petaling Jaya, Pejabat Sister In Islam) temubual bersama penulis pada 27 Mei 2014. Responden tidak membenarkan namanya dipaparkan dan setiap kenyataan yang di keluarkan adalah mewakili ahli Sister in Islam.

<sup>15</sup> Ahli Sister In Islam (Petaling Jaya, Pejabat Sister In Islam) temubual bersama penulis pada 27 Mei 2014. Responden tidak membenarkan namanya di paparkan dan setiap kenyataan beliau adalah mewakili ahli Sister in Islam.

Pandangan ini sama dengan pandangan yang dilontarkan oleh Fatimah Mernissi<sup>16</sup>, Qasim Amin<sup>17</sup> dan juga golongan liberalisme yang menyatakan pemakaian tudung itu tidak wajib dan hanya menjadi amalan masyarakat Arab Jahiliah. Dakwaan golongan ini juga, sesebuah negara akan menjadi mundur sekiranya kaum wanita bertudung. Ini kerana wanita yang mengenakan hijab lebih mudah terasing dan hijab itu membuatkan wanita terbatas dalam melakukan aktiviti kemasyarakatan.<sup>18</sup>

II. Surah al-A'raf ayat 26 yang bermaksud: "*Wahai anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur)*".  
(Al-A'raf 7:26)

III. Surah al-A'raf ayat 31 yang bermaksud: "*Wahai anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas*".  
(Al-A'raf 26: 31)

Di dalam surah al-A'raf ayat 26 ada menyatakan tentang pakaian untuk menutup aurat dan pakaian perhiasan yang indah; tetapi ayat ini menegaskan bahawa "Pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya". Manakala dalam ayat 31 surah yang sama Allah SWT berfirman: "Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu beribadat tetapi janganlah melampau batas". Dalam hal menutup tubuh badan, di samping kesopanan yang dimaksudkan SIS terhadap wanita adalah menutup perkara yang mengaibkan, iaitu kemaluan. Justeru, menurut mereka kemaluan merupakan aurat yang sebenarnya yang tidak boleh sengaja didedahkan. Menurut SIS kedua-dua ayat ini menunjukkan agar wanita menutup keaiban mereka iaitu kemaluan. Tetapi apa yang lebih penting di sini adalah bahawa al-Quran menekankan perihal pentingnya takwa berbanding dengan kain yang menutupi tubuh.<sup>19</sup> SIS juga berpendirian bahawa cara berpakaian adalah hak mutlak individu. Hujah SIS di atas seolah-olah menunjukkan bahawa pakaian bukan menjadi pengukur terhadap baik buruk seseorang.

Bagi SIS tingkah laku dan tindakan tidak ada kaitan dengan pakaian. Apa yang penting ialah takwa kepada Allah SWT dan ini adalah sebaik-baik pakaian.<sup>20</sup> Melalui pendapat SIS mengenai ketiga-tiga ayat al-Quran di atas, dapatlah difahami, bahawa metodologi yang digunakan SIS bercanggah dengan metodologi yang digunakan oleh ulama dalam membahaskan isu aurat. SIS lebih banyak mengambil pendapat khilaf tidak muktabar yang dirasakan relevan dengan misi dan visi pergerakan mereka. Malah ulama juga mempunyai metodologi yang berbeza dengan golongan feminisme dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Penafsiran ayat al-Quran mestilah dilihat dan ditafsir menurut kaedah yang tepat melalui

<sup>16</sup> Fatima Mernissi merupakan seorang feminis barat yang berasal dari Morroco, beliau banyak mengkaji teks Hadith berkaitan dengan wanita yang membawa kepada hasil kajian yang baru mengenai hukum Islam.

<sup>17</sup> Qassim Amin merupakan aktivis bebas yang banyak memperjuangkan hak kebebasan wanita di Timur Tengah.

<sup>18</sup> Ahmad Yumni Abu Bakar, *Menjawab Islam Liberal Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal JIL dan Sister In Islam (SIS)* (Selangor: PTS Islamika, 2014), 125.

<sup>19</sup> Sister in Islam, Artikel "*Kesopanan dan Kesederhanaan Pakaian dalam Islam*". 4 April 2007. Lihat <http://sistersinislam.org.my>

<sup>20</sup> Ahli Sister In Islam (Petaling Jaya, Pejabat Sister In Islam) temu bual bersama penulis pada 27 Mei 2014.



kaedah bahasa Arab terlebih dahulu dan seterusnya melalui disemak menggunakan ilmu Usul al-Fiqh dari bidang *Dilalah al-alfaz*, *Nasikh dan Mansukh*, *Mutlaq dan Muqayyad*, *Majazi dan Hakiki*, *Muhkam dan Mutasyabih*. Kemudian melalui proses *ta'arud wa tarjih*, selain itu dilihat juga tahap kekuatan hadith dari sudut sanad dan matannya.<sup>21</sup>

SIS sememangnya memahami ayat al-Quran itu secara literal sahaja. Seharusnya SIS menjadikan al-Quran dan Hadith sebagai sumber rujukan dalam memahami ayat al-Quran. Pemahaman secara umum dan literal ini mirip kepada cara yang di gunakan oleh golongan liberalisme dan orientalis Barat dalam memahami ayat al-Quran. Sebagai badan bukan kerajaan yang berdiri di atas nama Islam, SIS seharusnya mengkaji dan meneliti semula kitab-kitab tafsir dan Hadith yang berautoriti dalam memahami ayat al-Quran.

SIS seharusnya mengakui dan maklum, bahawa pemakaian tudung ini sudah lama digunakan oleh wanita, malahan sebelum kedatangan Rasulullah SAW. Wanita jahiliah memakai tudung dengan menutup kepala, lalu membiarkan kain itu labuh ke belakang tanpa menutup belahan dada. Ini bertujuan bagi menarik perhatian lelaki dan wanita lain supaya mereka dapat melihat perhiasan di dada dan leher mereka. Lalu Allah SWT menegur perbuatan mereka dengan menurunkan ayat dari surah al-Nur tersebut.<sup>22</sup>

Penurunan ayat ini menggesa supaya tudung yang mereka sudah sedia pakai itu dilabuhkan dan menutup belahan dada mereka. Perkara ini menjadi salah faham kepada golongan SIS kerana mereka hanya melihat perkara yang harus di tutup itu hanyalah belahan dada sahaja bukannya kepala. Pemahaman secara literalis seperti ini akhirnya akan menghasilkan sesuatu yang pelik dan bercanggah dengan kehendak agama.

Selain itu, dalam membahas perkataan aurat, SIS memahami maksud aurat itu dari sudut bahasa sahaja iaitu kemaluan. Sememangnya aurat dari segi bahasa adalah aib atau malu, namun SIS seharusnya memahami aurat bukan dari sudut bahasa sahaja. Sebagai contoh, seperti yang diketahui maksud solat dari sudut bahasa itu adalah doa. Jika semua umat Islam berpegang dengan pemahaman dari sudut bahasa sahaja, maka umat Islam tidak perlu mengerjakan solat dan hanya perlu berdoa setiap kali tiba waktu solat. Begitu juga, bagi mereka aurat yang wajib di tutup adalah kemaluan wanita, dan bahagian badan yang lain harus lah di tutup mengikut norma kesopanan sesebuah budaya setempat. Perkara ini sememangnya bercanggah dengan hukum hakam Islam. Ulama bersepakat bahawa aurat wanita itu adalah seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan.

Pendapat SIS mengenai ketakwaan adalah lebih penting dari pakaian membalut tubuh juga merupakan pandangan yang tidak tepat. SIS sekali lagi memahami ayat secara umum tanpa merujuk kepada ulama dalam membahaskan perkataan takwa. Ayat al-Quran yang menyebut “*dan pakaian yang berupa takwa itulah sebaik-baiknya*” merujuk kepada makna khusyuk, taat dan takwa<sup>23</sup>. Tafsiran Ibn Kathir ini lebih selari dengan kehendak sebenar Islam berbanding pendapat SIS yang berpendapat bahawa, sedikit atau banyak pakaian yang dikenakan kepada seseorang itu tidak penting, yang paling utama adalah ketakwaan. Ketakwaan dan pakaian haruslah bergerak selari. Malah muslimah yang bertakwa sudah pasti akan takut untuk membuka aurat dan melakukan perkara yang mungkar. Pandangan SIS ini banyak diguna pakai oleh wanita di Malaysia bagi membuka aurat. Bagi mereka, pemakaian yang tertutup belum tentu menjamin baik dan bersihnya hati seseorang.<sup>24</sup>

<sup>21</sup> Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Penafsiran al-Quran: Kaedah dan penghayatan, laman sesawang* <http://www.mindamadani.my>, dicapai pada 21 Oktober 2016, <http://www.mindamadani.my/siri-siri-kuliah/tafsir-maudhuuy/item/166-penafsiran-al-quran-kaedah-dan-penghayatan.html>

<sup>22</sup> Al-Qurtubi, *al-Jami' al-Ahkam al-Quran* (Beirut: Dar al-Ihya' al-'Arabi, 1995), 12: 229.

<sup>23</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Riyadh: Dar al-Salam, 2004), 1: 389.

<sup>24</sup> *Sisters In Islam*, “Terengganu dress code”, laman sesawang *Sisters In Islam*, di capai 25 Mei 2014, <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.235.120>.

Selain itu, SIS yang turut terkenal dengan memperjuangkan hak kebebasan wanita turut mengamalkan prinsip berdasarkan ayat al-Quran dari surah al-Baqarah ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ

Terjemahan: *Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)*

(Al-Baqarah 2: 256)

SIS memahami ayat ini dengan cara yang berbeza. Menurut SIS pemakaian hijab itu merupakan pilihan dan bukan nya paksaan. SIS merujuk ayat ini dalam menentukan hukum mengenai hijab sedangkan ayat ini memberi tafsiran bahawa tiada paksaan untuk orang kafir untuk memasuki agama Islam. SIS seharusnya menggunakan pendekatan *ammar makruf* dan *nahi mungkar* dalam menggalakkan wanita muslimah untuk mengenakan hijab. Pendekatan ini lebih sesuai dengan NGO yang berdiri di atas nama Islam dan memperjuangkan hak wanita muslim di Malaysia

Selain dari itu, SIS sebolehnya akan mencari ulama yang mampu mendukung pendapat mereka mengenai hijab walaupun pendapat itu adalah pendapat minoriti. SIS seharusnya merujuk terus kepada tafsir al-Quran dan syarah Hadith yang muktabar dalam memahami hukum hakam dalam al-Quran. Ini kerana ulama dalam bidang ini mempunyai kepakaran dalam bahasa Arab dan pelbagai bidang ilmu sehingga mereka mampu memahami ayat al-Quran dengan baik. Rujukan kepada ulama yang bukan berada dalam kepakaran bidang tersebut sudah pasti akan membawa kepada pemahaman yang berbeza seterusnya salah faham dalam memahami hukum hakam Islam.

## Metodologi Pengalaman dan Pensejarahan

Melalui temu bual yang dilakukan terhadap ahli SIS, mereka pada mulanya mengenakan tudung namun akhirnya membuat keputusan untuk membuka tudung apabila melihat ada sesuatu yang tidak kena dengan pemakaian hijab ini. Menurut mereka, sama ada mereka mengenakan hijab atau tidak beliau masih diganggu oleh lelaki. Ini menunjukkan bahawa pemakaian tudung itu tidak menjamin seseorang untuk tidak diganggu. Bagi mereka sebetulnya, pihak lelaki perlu belajar menghormati wanita dan menjaga akhlak mereka.<sup>25</sup> Malah SIS melihat sikap dan kefahaman pemakaian tudung tidak selari dengan akhlak. Di mana terdapatnya remaja pada siangnyanya memakai tudung labuh namun apabila malam hari berubah dengan membuka tudung dan memakai pakaian yang tidak sopan untuk ke pusat hiburan.

Begitu juga dengan wanita di Barat yang tidak berhijab, mereka sama sekali tidak diganggu oleh lelaki di sana. Malah menurut mereka apa yang perlu difahami adalah hijab bukan merupakan jaminan muslimah itu di ganggu atau tidak, tetapi masyarakat di Barat lebih terdidik untuk menghormati wanita. Ini berbeza dengan keadaan di Arab Saudi, apabila wanita di sana lebih kerap di ganggu sedangkan mereka bertudung litup dan mengamalkan cara hidup Islam.<sup>26</sup>

Selain itu, mereka seolah-olah menyalahkan golongan lelaki atas perintah wanita harus menutup aurat dan berhijab sedangkan lelaki yang perlu menjaga pandangan.<sup>27</sup> Mereka juga

<sup>25</sup> Ahli Sister In Islam, (Petaling Jaya, Pejabat Sister In Islam) temu bual bersama penulis pada 27 Mei 2014. Responden tidak membenarkan namanya di paparkan dan setiap kenyataan yang di keluarkan adalah mewakili ahli Sister in Islam.

<sup>26</sup> Ahli Sister In Islam (Petaling Jaya, Pejabat Sister In Islam) temu bual bersama penulis pada 27 Mei 2014.

<sup>27</sup> Ibid.

mengatakan wanita seolah-olah terpaksa memikul tanggungjawab lelaki yang tidak mengawal nafsu dengan terpaksa mengenakan pelbagai bentuk pakaian supaya ia terlindung dan terasing.

Melalui kenyataan di atas dapat difahami bahawa, SIS melihat pemakaian tudung ini dari sudut yang berbeza dengan ayat al-Quran yang difahami mereka. Bagi mereka, pakaian bukanlah kayu pengukur keimanan seseorang. Namun, perkara yang penting adalah hati yang bersih dan bertakwa kepada Allah. Sesungguhnya, metode yang digunakan mereka tidak boleh di jadikan dalil kepada wanita itu bebas untuk memilih samada berhijab atau tidak. Ini kerana, ianya merupakan pengalaman dan pandangan peribadi. Sesungguhnya al-Quran itu datang untuk memberi rahmat ke seluruh alam. Ianya bersifat universal dan sesuai sepanjang hayat. Islam sangat memelihara wanita. Selain dari penjagaan aurat ke atas wanita, Islam juga menyeru agar wanita untuk keluar dari rumah bersama mahram. Malahan wanita tidak digalakkan keluar dari rumah jika tiada keperluan.

Sekiranya setiap wanita mengikuti setiap ajaran yang ditetapkan dalam agama Islam sudah pasti gejala yang tidak bermoral dapat dikurangkan. Namun begitu, pendapat SIS tidak boleh dijadikan hujah untuk mengatakan bahawa pemakaian hijab itu tidak wajib. Ini kerana kita sebagai wanita yang berpegang dengan al-Quran dan Hadith seharusnya mentaati setiap hukum yang telah termaktub dalam al-Quran. Isu gangguan dari lelaki merupakan isu akhlak yang sepatutnya diberi perhatian oleh setiap Muslim. Setiap lelaki haruslah menghormati wanita dan berbuat baik kepada mereka. Seperti hadith yang diriwayatkan oleh Saidatina 'Aishah RA:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Terjemahan: “*Rasulullah SAW bersabda: Lelaki yang paling baik ialah yang amat baik terhadap isterinya, dan aku adalah yang paling baik terhadap isteriku.*”<sup>28</sup>

Petikan dalam surah al-Nur juga ada menyebut bahawa Allah menggesa supaya lelaki dan wanita untuk menundukkan pandangan. Ayat ini menyeru supaya lelaki turut menjaga pandangan dan belajar menghormati wanita. Allah SWT menyuruh supaya lelaki turut menahan nafsu mereka dari melihat kepada benda yang bukan halal untuk mereka. Di sini dapat dilihat bahawa mujahadah dalam menahan nafsu itu bukan sahaja terletak kepada wanita, malah lelaki harus turut berjuang menundukkan pandangan mereka. Wanita dan lelaki harus bekerjasama dalam membendung nafsu masing-masing. Wanita harus menutup aurat dengan baik manakala lelaki harus menundukkan pandangan dari melihat ke arah wanita. Malah seharusnya bekerjasama mengubati hati lelaki yang berpenyakit ini serta menutup pintu-pintu syaitan dengan menutup aurat. Seperti firman Allah SWT:

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا ۖ وَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ۖ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

Terjemahan: “*Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, Dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)*”

<sup>28</sup> Hadith Riwayat al-Tirmidhi, no hadith 3895. Lihat *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif-al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al 'Aziz al-'Ali al-Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam, 2000), 2050.

(Al-Baqarah 2:10)

Namun begitu, pendapat SIS mempunyai kebenarannya. Seharusnya para agamawan turut menekankan aspek peri pentingnya tanggungjawab lelaki dalam menahan dan menundukkan pandangan terhadap wanita sebagaimana penekanan terhadap aspek menutup aurat bagi kaum wanita. Namun pendapat SIS merupakan pendapat peribadi serta pengalaman mereka, dan hal ini tidak boleh dijadikan asbab dan dalil kepada bolehnya wanita itu untuk membuka aurat.

Selain itu, golongan SIS juga mendakwa wanita yang menutup aurat dan membalut badan ini lebih berupaya meningkatkan keinginan dan sifat ingin tahu terhadap seksual orang lelaki kerana mereka tidak dapat melihat keindahan tubuh badan wanita. Berbanding wanita di Barat yang lebih terbuka dan lelaki di sana lebih menghormati wanita.<sup>29</sup> Seperti yang diketahui, kebanyakan ahli SIS merupakan mereka yang pakar dalam bidang undang-undang sivil dan sains sosial. Oleh itu tidak hairanlah jika mereka melihat pemakaian hijab itu dari sudut sosial. Mereka mendakwa wanita yang menutup aurat ini lebih mudah meningkatkan keinginan lelaki berbanding wanita yang terdedah auratnya. Dakwaan ini adalah tidak benar dan songsang.

Wanita yang sengaja mendedahkan aurat seolah-olah membuka ruang kepada lelaki untuk mendekati mereka dengan lebih mudah berbanding dengan mereka yang menutup aurat. Sesungguhnya Islam tidak menghalang perhubungan antara lelaki dan wanita. Sememangnya wanita dan lelaki secara fitrah diciptakan untuk saling memerlukan dan diciptakan mempunyai nafsu syahwat. Namun Islam telah menyediakan cara yang betul untuk menyalurkannya iaitu melalui perkahwinan. Malah perhubungan selepas perkahwinan di anggap suci dan beroleh pahala kerana ianya merupakan satu ibadah.

Selain dari pendapat yang diutarakan oleh SIS, metod ini juga digunakan oleh SIS untuk membuat observasi mengenai kefahaman rakyat Malaysia mengenai pemakaian tudung. Kemudian hasilnya di terjemahkan dalam sebuah filem pendek yang dikeluarkan oleh Norhayati Kaprawi yang berjudul “Aku Siapa”. Dalam filem pendek ini, Norhayati Kaprawi telah membuat observasi dengan menemuramah beberapa individu dari pelbagai lapisan masyarakat. Mereka ini terdiri dari golongan berpendidikan sehingga golongan biasa. Hasilnya ramai wanita di Malaysia yang tidak memahami makna sebenar menutup aurat dan mengapa mereka harus menutup aurat. Namun demikian, berlaku ketidaktelusan di sini apabila beliau tidak menemuramah mereka yang memakai hijab dengan rela hati dan mereka yang berhijrah untuk memakai tudung.

Melalui kaedah ini, SIS cuba menjelaskan bahawa, pemakaian tudung di Malaysia merupakan satu ikutan dan *trend* semata-mata dan bukanlah atas kehendak dan kefahaman mereka. Ini kerana ramai yang tidak mampu memberi jawapan yang betul sewaktu ditanya surah apa yang mewajibkan seseorang itu untuk menutup aurat. Sememangnya harus diakui, bahawa masih ramai muslimah di Malaysia tidak memahami konsep sebenar menutup aurat. Ini kerana kurangnya ilmu agama dan mengikut sesuatu tanpa panduan (*taklid*). Selain dunia tanpa sempadan, masyarakat terutamanya remaja mudah terdedah dengan unsur negatif yang mudah dicapai dari laman sesawang.

Namun begitu, kerajaan, NGO, para pendakwah dan media massa sentiasa berusaha untuk menyebarkan dan mengajak masyarakat untuk lebih memahami Islam dengan lebih baik. Di sini setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan yang penting. Apa yang lebih penting adalah peningkatan dan kesedaran menutup aurat di Malaysia itu semakin baik dari tahun ke tahun. Metod pengalaman sememangnya bagus untuk memahami tahap pemahaman muslimah

---

<sup>29</sup> Katherine Bullock, *Rethinking Muslim Woman And The Veil*, (London: The International Institute of Islamic Thought, 2002), 144.

dalam isu berkaitan dengan hijab. Namun metod ini tidak boleh di jadikan sebagai cara untuk membuat kesimpulan berkaitan dengan hukum pemakaian hijab. Ini kerana ianya merupakan persepsi dan pendapat peribadi yang dikeluarkan berdasarkan pengalaman seseorang. Sedangkan Islam itu adalah agama yang syumul dan hukumnya sesuai di aplikasikan oleh semua umat manusia di mana sahaja. Kenyataan yang di buat oleh SIS mengenai hijab juga merupakan kes terpencil yang mana ianya tidak boleh di jadikan kayu pengukur kepada menyatakan pemakaian hijab itu adalah tidak wajib. Observasi itu bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman rakyat Malaysia mengenai pemakaian tudung. Namun ianya tidak boleh menolak hukum dan tetapan yang telah termaktub dalam al-Quran dan Hadith mengenai kewajipan pemakaian tudung.

Melihat kepada pemikiran SIS, SIS juga mengambil metodologi Fatimah Mernissi dalam memahami ayat-ayat al-Quran iaitu menggunakan metod pensejarahan dengan mengkaji kembali sejarah Islam. Ini bertujuan untuk memperoleh pengetahuan tentang kedudukan wanita masa lalu dan mengkaji semula kembali teks-teks hasil pemikiran ulama tradisional. Justeru, pendekatan ini merupakan pendekatan alternatif yang turut diperkenalkan oleh Fatimah Mernissi dan di aplikasi oleh SIS. Hal ini dapat dilihat dari kaedah beliau memahami hadith-hadith Rasulullah SAW yang *misogyny* iaitu hadith-hadith yang merugikan kaum wanita. Mernissi cuba mencari dan mengungkap hakikat sebenarnya yang terjadi di sebalik hadith berkenaan serta melakukan penelitian terhadap perawi.

Pemahaman hadith bukan sahaja dilakukan melalui kajian teks, malahan dilakukan dengan merungkai kisah di sebalik hadith tersebut. Namun begitu metodologi yang digunakan oleh Fatimah Mernissi ini membawa kepada penghasilan makna yang salah dan bertentangan dengan syariat Islam.<sup>30</sup> Kaedah ini turut di gunakan oleh pihak SIS dalam mengkaji hukum pemakaian hijab di Malaysia. SIS mempersoalkan mengapakah wanita di Malaysia pada era 70 an mengenakan kebaya ketat dan selendang sehingga menampakkan jambul rambut di hadapan sedangkan mereka itu adalah isteri-isteri ulama. Malah adalah mustahil tokoh ulama terdahulu tidak memahami al-Quran dengan baik.<sup>31</sup> Malah perbuatan mereka tidak dikecam seperti mana wanita zaman sekarang. Lalu mereka mempertikaikan adakah hukum aurat pada ketika itu berbeza dengan zaman sekarang? Justeru mereka membuat kesimpulan bahawa, kefahaman dan *nas* al-Quran mengenai aurat dan hijab itu masih terbuka untuk dikaji dan ia tidak bersifat *qat'i*.

Metode yang digunakan ini sudah pasti tidak boleh di jadikan kayu pengukur dengan mengatakan pemakaian hijab itu adalah tidak wajib. Metode yang digunakan oleh SIS ini merupakan metode yang lahir dari pandangan akal manusia semata-mata. Sedangkan pemakaian hijab itu hukumnya sudah jelas dalam al-Quran dan al-Hadith. SIS seakan-akan membandingkan wanita Islam di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Malahan menganggap hukum pemakaian hijab itu tidak tetap dan masih terbuka untuk di bincangkan.

Kenyataan SIS ini merupakan suatu kenyataan yang merbahaya dan mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat khususnya wanita di Malaysia. Terutama mereka yang tidak memahami secara jelas akan ketetapan hukum Islam. Malahan, dengan zaman serba moden dan lambakan maklumat ini kadang kala menyebabkan masyarakat tidak mampu membezakan perkara yang sahih dan batil. Kenyataan ini perlu kepada satu jawapan bagi menjernihkan kembali pemikiran wanita di Malaysia supaya mereka memakai hijab bukan atas dasar ikutan tetapi kerana yakin adanya dalil yang mewajibkan mereka untuk melaksanakannya.

---

<sup>30</sup> Ibid., 174.

<sup>31</sup> Metode ini di gunakan oleh SIS dalam filem pendeknya *Aku Siapa* yang di arah oleh Norhayati Kaprawi.

Melihat kepada pandangan SIS ini, SIS seharusnya memahami sejarah Tanah Melayu dengan lebih teliti. Bagaimana metode dakwah dan perkembangan Islam di Tanah Melayu sebelum, semasa dan selepas penjajahan British. Kesan penjajahan dan proses kemasukan bangsa Cina, India, dan negara lain sudah pasti memberi impak yang besar kepada masyarakat di Tanah Melayu pada ketika itu. SIS seolah-olah cuba mengelirukan minda masyarakat dengan mempersoalkan “adakah hukum dahulu tidak sama dengan sekarang”, malah mengajak manusia berfikir dan membuka kembali ruang untuk mengkaji semula hukum mengenai pemakaian hijab. Idea ini juga sama dengan pendekatan yang digunakan oleh golongan liberalisme yang mana mereka mahukan sesuatu hukum itu dikaji semula agar ianya selari dengan kehendak arus kemodenan dunia dan kehendak mereka. Sesungguhnya, seperti yang di ketahui, setiap hukum yang sudah mempunyai dalil yang tetap dari al-Quran dan Hadith tidak boleh diubah. Melainkan permasalahan yang tiada *nas* dan dalil yang khusus tidak disebutkan hukumnya merupakan satu-satunya alternatif yang tersisa dari beberapa kemungkinan hukum yang dibatalkan oleh *nas*, maka hukum satu-satunya itu merupakan dalil yang diambil dari *nas*.<sup>32</sup>

Seperti yang diketahui, Malaysia secara amnya di jajah hampir 446 tahun. Bahkan sebelum kedatangan penjajah Tanah Melayu sudah melaksanakan hukum Islam dengan baik. Namun akibat kesan dijajah, masyarakat Melayu bukan sahaja di pengaruhi dari segi budaya, bahasa malahan agama terutamanya. Sememangnya, objektif utama penjajahan di Tanah Melayu adalah ingin menyebarkan ajaran Kristian dan menyebabkan masyarakat Islam jauh dari agama Islam. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa terdapatnya wanita muslimah yang mengenakan pakaian sebegitu pada era 70 an.<sup>33</sup>

SIS juga seharusnya mengerti bahawa rakyat Malaysia baru sahaja 57 tahun merdeka. Pelbagai aspek harus dibangunkan kembali terutamanya aspek pendidikan, ekonomi dan perpaduan rakyat. Namun begitu, dari sudut dakwah Islamiah, walaupun Malaysia baru sahaja 57 tahun merdeka, dalam aspek penutupan aurat muslimah di Malaysia jauh lebih baik berbanding dengan Negara Islam yang lain.

Metod sejarah yang di gunakan SIS sama sekali tidak boleh dijadikan hujah dalam menentukan harus atau tidak seseorang itu memakai hijab. Malah hukum mengenai pemakaian hijab sudah dibincangkan oleh ulama sebelum Malaysia di jajah lagi. Ulama sepakat mengatakan bahawa hukum aurat itu seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan. Tidak berlaku percanggahan antara ulama tradisional dan kontemporari. Malah sehingga kini ulama masih bersepakat menyatakan hukum yang sama. Keadaan wanita pada zaman 70 an tidak boleh di jadikan hujah adakah hukum pada zaman itu longgar dan zaman sekarang berubah. Hal ini berlaku kerana banyak faktor yang mempengaruhi, selain dari faktor penjajahan, faktor kurangnya penghayatan ilmu agama merupakan salah satu punca berlakunya perkara tersebut.

## Metodologi Sosiologi

Metodologi pemikiran SIS yang keempat adalah mereka melihat pemakaian hijab ini dari sudut sosiologi. Bagi SIS wanita di tanah Arab mengenakan hijab dan purdah adalah kerana faktor geografi mereka yang panas dan berdebu. Bukan disebabkan kewajipan menutup aurat. Oleh sebab itu, pemakaian hijab ini diamalkan oleh kebanyakan bangsa Arab dan tidak seharusnya diamalkan oleh negara lain.

Sehubungan itu, SIS sekali lagi banyak merujuk kepada pemikiran feminis seperti Fatimah Mernissi dalam mengeluarkan pendapatnya. Fatimah Mernissi banyak mengkaji serta

<sup>32</sup> Ibn Hazm, *Al Muhalla bi al Atsar*, (Beirut: Dar Al Kutub, t. th), 2:106.

<sup>33</sup> Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*, (Selangor: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1992), 203.

memberi pendapat berpandukan Hadith tetapi membawa maksud yang bertentangan dengan majoriti ulama. Melihat kepada latar belakang pendidikan Fatimah Mernissi serta aktiviti-aktiviti yang disertainya, beliau banyak mengkaji perihal sosiologi. Oleh yang demikian, tidak hairanlah setiap pendapat dan pemikiran yang dilontarkan oleh Mernissi lebih memfokuskan ilmu-ilmu sosiologinya. Sebagai contoh, dalam kedudukan wanita dalam Islam, Mernissi menganggap peraturan yang ada dalam Islam sebenarnya lahir dari keadaan masyarakat ketika mana waktu al-Quran turun yang bersifat *patriaki*.<sup>34</sup>

Pendapat yang dilontarkan oleh SIS merupakan satu pendapat yang tidak relevan. Ini kerana, terdapat hadith dari Saidatina 'Aishah r.a yang membuka wajah dan hijab ketika bermusafir di tengah padang pasir ketika hendak menunaikan umrah. Hadith ini menunjukkan bahawa, pemakaian hijab itu bukanlah di sebabkan oleh faktor geografi. Jika SIS menganggap kewajipan menutup aurat ini adalah di sebabkan faktor geografi maka, adakah penurunan al-Quran itu bersifat setempat dan tidak menyeluruh kepada semua umat manusia?

SIS banyak melihat justifikasi kewajipan aurat itu dari sudut yang berbeza. Pandangan yang dikeluarkan oleh SIS mengenai aurat bukanlah berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah tetapi melalui andaian akal dan pengalaman peribadi mereka sahaja. Pengalaman sendiri sudah pasti tidak boleh di jadikan dalil kepada menentukan sesuatu hukum itu.

## PENUTUP

Hasil dari perbincangan di atas, dapat dibuat beberapa kesimpulan bahawa metodologi pemikiran golongan SIS adalah tersasar jauh daripada metodologi yang digunakan oleh ulama Islam. Antara puncanya adalah golongan SIS tidak merujuk kepada sumber primer dan berautoriti. SIS seolah-olah tidak mengiktiraf kitab-kitab Tafsir yang *muktabar* atas alasan pendapat ulama terdahulu tidak relevan untuk masa kini, khususnya dalam bab pakaian yang amat berkait dengan sosio budaya. Sebaliknya dalam memahami ayat-ayat hijab, pihak SIS mentafsir ayat al-Quran mengikut fahaman logik akal mereka.

Di samping itu, SIS juga tidak menjadikan hadith sebagai rujukan mereka. Mereka seakan lupa peranan hadith yang menjelaskan apa yang terdapat di dalam al-Quran. Tanpa merujuk kepada hadith Rasulullah SAW bagaimana mungkin memahami Islam dengan sempurna. Hasilnya, memahami al-Quran secara literal kadang-kadang membawa kepada salah faham terhadap ajaran Islam.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Ahmad Yumni Abu Bakar, *Menjawab Islam Liberal Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal JIL* (Selangor: PTS Islamika, 2014).

Al-Qurtubi, *al-Jami' al-Ahkam al-Quran* (Beirut: Dar al-Ihya' al-'Arabi, 1995).

Haji Dusuki Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, (Kuala Lumpur, Utusan Publication, 1976).

Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Riyadh: Dar al-Salam, 2004).

Jabatan Agama Islam Selangor, *Sisters In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme Di Malaysia?*, Jabatan Agama Islam Selangor (t.p, t.t.).

*Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (TP, 1970).

---

<sup>34</sup> Mubarakah, *Kajian Tafsir terhadap Pandangan Feminisme Tentang Jilbab* (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2008), 92.

*Mawsu'ah Al-Hadith Al-Sharif: Al-Kutub Al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al-al-Shaykh, (Riyadh: Dar-al-Salam, 2000).

Muhammad 'Ali As-Sobuni, *Tafsir ayat al-Ahkam min al-Quran*, (Kaherah: Dar As-Sobuni, 2008).

*Secularism Aboard the Titanic: Feminists and the Debate over the Hijab in France*, Bronwyn Winte, (Feminist Studies Inc. 2004, vol 2).

Katherine Bullock, *Rethinking Muslim Woman And The Veil*, (London: The International Institute Of Islamic Thought, 2002).

Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*, (Selangor: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1992).

Mubarokah, *Kajian Tafsir terhadap Pandangan Feminisme Tentang Jilbab* (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2008).

### **Temubual**

Ahli Sister In Islam (Petaling Jaya, Pejabat Sister In Islam) temubual bersama penulis pada 27 Mei 2014.

### **Laman sesawang**

*Sisters In Islam*, "Terengganu dress code ", laman sesawang *Sisters In Islam*, di capai 25 Mei 2014, <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.235.120>

Sister in Islam, Artikel "*Kesopanan dan Kesederhanaan Pakaian dalam Islam*". 4 April 2007.

Lihat <http://sistersinislam.org.my>)